

### JIKA ANDA DITAHAN POLIS – KETIKA BERJALAN

Kedua-dua tangan anda MESTI dalam KELIHATAN POLIS.

Jika diminta ID, beritahu polis DI MANA IA dan MINTA KEBENARAN SEBELUM mencapainya. BERGERAK DENGAN PERLAHAN apabila MENGAMBIL dan MENUNJUKKAN ID anda kepada pegawai itu.

Kalau anda TIDAK MENUNJUKKAN ID, polis boleh menahan anda selama 3 hari untuk mengenal pasti identiti anda.

TENANGKAN perkataan, pergerakan dan emosi anda supaya polis TIDAK BERASA TERANCAM. Anda mempunyai HAK UNTUK BERDIAM DIRI, SEMUA PERKATAAN DAN PERBUATAN ANDA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENENTANG ANDA dan memberi polis sebab untuk MENAHAN anda.

Keengganan menjawab soalan-soalan polis BUKAN jenayah TETAPI boleh membuat mereka curiga terhadap anda.

MELARIKAN DIRI daripada atau MENYENTUH polis boleh menyebabkan anda ditahan.

JANGAN BERITAHU POLIS jika anda akan MELAPORKAN ADUAN dengan Jabatan Urusan Dalam Polaris atau Lembaga Aduan Awam.

Polis MUNGKIN MENYENTUH RASA pakaian anda JIKA mereka mengesyaki anda membawa senjata tersembunyi. JANGAN mencabar polis TETAPI jelaskan bahawa anda TIDAK MERELAKAN mereka MENERUSKAN PENYIASATAN TERHADAP DIRI ANDA, KERETA ANDA, ATAU PERSEKITARAN ANDA dengan suara yang jelas dan kuat (terutamanya jika ada saksi yang hadir).

### JIKA ANDA DITAHAN POLIS – KETIKA MEMANDU KENDERAAN

Kedua-dua tangan anda MESTI berada di tempat yang BOLEH DILIHAT POLIS seperti di roda stereng, papan pemuka, di atas tempat duduk belakang, atau di belakang tempat duduk depan. Atas permintaan polis, tunjukkan LESEN PEMANDU, PENDAFTARAN KENDERAAN, DAN BUKTI INSURANS. JIKALAU polis mempunyai “PENYEBAB KEMUNGKINAN” mereka BERHAK MENGGELEDAH kereta anda tanpa waran; sebaliknya beritahu pegawai itu, “SAYA TIDAK MERELAKAN PENGGELEDAHAN INI”. Jika diberi saman, TANDATANGANI saman itu untuk mengelakkan risiko ditahan. Anda boleh lawan saman itu di mahkamah.

### JIKA ANDA DITAHAN POLIS – KETIKA DI RUMAH

JIKA polis MENGETUK PINTU dan MINTA masuk ke dalam rumah anda, SECARA AM NYA ANDA BOLEH MENAFIKAN PERMINTAAN mereka MELAINKAN JIKA mereka mempunyai WARAN MAHKAMAH yang ditandatangani oleh HAKIM yang MENYENARAIKAN ALAMAT ANDA dan PENERANGAN TENTANG APA YANG MEREKA HENDAK SIASAT. KECUALI dalam kes KECEMASAN, misalnya polis MENGEJAR SUSPEK atau SESEORANG MENJERIT MEMINTA TOLONG, pegawai BOLEH MASUK TANPA WARAN.

### JIKA ANDA DITAHAN POLIS – DITAHAN ATAU DIBAWA KE BALAI POLIS

JIKA anda ditahan, polis BOLEH GELEDAH kawasan “BERDEKATAN”. Dalam sebuah BANGUNAN, “BERDEKATAN” biasanya merujuk kepada BILIK YANG ANDA BERADA DALAM ATAU BENDA-BENDA DI PANDANGAN MATA. Jangan beritahu polis apa-apa KECUALI NAMA DAN ALAMAT ANDA. Anda mempunyai HAK PINDAAN KELIMA UNTUK BERDIAM DIRI. Anda juga mempunyai hak untuk mengetahui SEBAB ANDA DITAHAN. Minta untuk BERBICARA ATAU BERJMUPA DENGAN PEGUAM DENGAN SEGERA. JANGAN membincangkan kes anda dengan banduan di penjara atau sesiapa pun KECUALI PEGUAM ANDA.

Dalam tempoh tiga jam selepas anda ditahan, dicek, dan didaftarkan dalam rekod polis, anda **MEMPUNYAI HAK MEMBUAT SATU PANGGILAN TEMPATAN LENGKAP** untuk menghubungi SEORANG PEGUAM, BADAN PENJAMINAN, AHLI KELUARGA, ATAU SESIAPAPUN. Polis **TIDAK** dibenarkan mendengar panggilan anda dengan peguam. Anda boleh dilepaskan **TANPA JAMINAN** atau memohon agar jaminan diturunkan, minta peguam anda berbicara dengan hakim. Anda **MESTI** dibawa untuk menghadapi seorang hakim di **SESI MAHKAMAH SATU HARI SELEPAS ANDA DITAHAN**.

**DAPATKAN KHIDMAT NASIHAT DARIPADA SEORANG PEGUAM UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH LENGKAP KERANA UNDANG-UNDANG BOLEH BERUBAH DARI SEMASA KE SEMASA.**